

04 AUG 1996

Mahathir-Universiti

LEBIH BANYAK UNIVERSITI JIKA ORANG MELAYU MINAT BELAJAR

ALOR SETAR, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata kerajaan akan membina lebih banyak universiti jika orang Melayu menunjukkan minat yang tinggi untuk melanjutkan pelajaran.

"Jika orang Melayu minat hendak belajar, kerajaan boleh buat universiti tetapi kalau mereka tidak berminat kerajaan akan rugi kerana kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja yang banyak untuk mengadakan universiti," katanya semasa ucapan penangguhan pada persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra, dekat sini.

Sebelum itu, wakil dari Umno cawangan Hosba, Prof Yusof Hasan ketika membentangkan usul, mencadangkan kerajaan menubuhkan sebuah Universiti Melayu Antarabangsa (UMAT) di Hosba bagi memberi peluang yang lebih luas kepada orang Melayu melanjutkan pelajaran.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata orang Melayu memang pandai dan berkebolehan tetapi mereka tidak menunjukkan minat untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi.

"Kerajaan boleh mendirikan universiti tetapi kerajaan akan menghadapi masalah untuk mencari pelajar terutama bagi memasuki bidang yang sangat diperlukan negara seperti sains dan teknologi."

"Kalau nak minta universiti sahaja tetapi kita tak berminat untuk ke universiti saya fikir rugilah," tegasnya.

Perdana Menteri berkata oleh kerana kerajaan perlu membelanjakan wang yang begitu banyak, kerajaan mahu anak muda Melayu mencapai tahap yang lebih tinggi dalam bidang pelajaran.

Katanya kerajaan tidak mahu melihat apabila universiti ditubuhkan ia dipenuhi oleh orang lain sedangkan orang Melayu tidak mendapat apa-apa faedah.

"Kita dapati anak muda dari kaum lain serius belajar, mereka betul-betul tumpu kepada pelajaran sebab itu kita dapat lihat tidak begitu ramai kaum Cina yang terlibat dengan kegiatan bohsia dan lain-lain kegiatan yang tidak berfaedah," katanya.

Sehubungan itu Dr Mahathir meminta perwakilan memikirkan perkara itu dengan mendalam dan menggesa mereka lebih giat memupuk minat anak-anak untuk belajar ke peringkat yang tinggi.

Mengulas usul wakil pergerakan pemuda bahagian, Abdul Lafar Yahya yang meminta kerajaan menaikkan harga padi, Dr Mahathir berkata walaupun harga padi tidak naik tetapi pendapatan para petani telah meningkat.

"Padi yang lebih baik telah dihasilkan, walaupun tanah tidak bertambah, hasil yang diperolehi meningkat tambahan lagi padi sekarang ditanam dua kali setahun.

"Yang penting bukan harga padi yang naik tetapi pendapatan petani. Cara kerajaan membantu petani adalah dengan menambah pengeluaran padi dan dengan itu pendapatan mereka akan bertambah." katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mahu apabila kerajaan menaikkan harga padi, kejadian penyeludupan beras dari negara jiran yang lebih murah ke negara ini berlaku dengan berleluasa akibat kenaikan harga beras tempatan.

Dalam ucapan yang mengambil masa kira-kira 20 minit itu, Perdana Menteri juga merakamkan ucapan tahniah terhadap pasangan beregu badminton negara Cheah Soon Kit dan Yap Kim Hock serta pemain perseorangan Rashid Sidek yang masing-masing memenangi pingat perak dan gangsa pada Sukan Olimpik '96 di Atlanta, Amerika Syarikat.

Semasa persidangan berita selepas itu beliau menyatakan rasa bangga dengan terpilihnya dua calon wanita bahagian itu ke Perhimpunan Agung di Kuala Lumpur.

Katanya kemenangan Ketua Wanita cawangan Barishah Saad dengan memperolehi undi terbanyak dan kemenangan Asma Hussin bermakna bahawa jika wujud unsur sogokan dalam pemilihan bahagian itu, ia terbukti tidak berkesan.

Dr Mahathir menarik perhatian bahawa dalam persidangan perwakilan Umno di bahagian lain banyak wanita tidak langsung mendapat tempat untuk menjadi wakil ke Perhimpunan Agung. -- BERNAMA

MZM ZAA RON